

08/11/1999

Ezam boleh dikenakan OSA: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohamad Ezam Mohd Nor, boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) jika memiliki dokumen rahsia kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika ia dokumen yang diklasifikasikan (sebagai rahsia), maka dia (Mohamad Ezam) melanggar undang-undang OSA," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu di sini, hari ini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata terpulang kepada polis untuk memutuskan bentuk tindakan terhadap Mohamad Ezam.

"Saya tidak tahu apa pihak berkuasa akan lakukan. Mengikut undang-undang kita, tindakan patut diambil terhadap beliau (Mohamad Ezam) tetapi ini perkara yang boleh diputuskan oleh polis," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Mohamad Ezam kononnya beliau menerima dua dokumen rahsia membabitkan siasatan rasuah terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Semalam, Mohamad Ezam mendakwa dokumen yang dicop 'Rahsia' serta ditandatangani Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Abdul Ghani Patail itu diterimanya melalui kiriman pos laju daripada seorang yang bernama Fadzli dari Kampung Sahum, Kampar, Perak, Isnin lalu.

Mohamad Ezam yang juga bekas Setiausaha Politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagaimanapun menafikan bahawa dokumen yang dikirim itu adalah perancangannya sendiri.

Dr Mahathir ketika ditanya bagaimana dokumen rahsia boleh diperolehi Mohamad Ezam, berkata beliau tidak tahu dan menyerahkan kepada polis untuk menyiasatnya.

Mengenai kemungkinan dokumen rasmi milik kerajaan sudah tidak selamat lagi, Dr Mahathir berkata: "Ya... boleh jadi, tetapi kalau kita tidak ada OSA, semua akan didedah.

"Orang akan curi semua dokumen. Tetapi kerana ada OSA, ada juga orang yang takut, (namun) ada juga orang tak takut."

Perdana Menteri memberi contoh Akta Dadah Berbahaya mengenakan hukuman mati terhadap pesalah yang didapati menyeludup dadah, tetapi masih ada juga yang menjalankan kegiatan itu.

"Hukumnya bunuh tetapi ada juga orang yang gila, dia nak duit, dia sanggup. Walau dikena hukum bunuh pun, dia seludup juga. Pencuri pun macam itu juga. Mencuri adalah haram dari segi undang-undang negara tetapi kita tak boleh kata, ada undang-undang maka tak ada pencuri.

"Samalah juga macam Nik Aziz (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) cakap... kalau Perdana Menteri Cina masuk Islam, takkan ada judi. Kalau macam itu tak adalah judi di mana-mana pun di mana orang Islam memerintah... tapi judi pun ada, maksiat pun ada," katanya.

(END)